

FPP BizNewz

January – May 2022

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

Mengapa Pelaburan *Emas* Menjadi Pilihan?

Telur Mana Telur?

*you
are
what
matters*

An Affair of Online Learning and Covid-19

***Pembasmian Kemiskinan Dalam RMK
Ke-12***

Bukit Harimau Menangis
Tarikan Pendakian di Kemaman



Publication Date
30 June 2022

Photo by Marek Levák on Unsplash

RUYUNG PERLU DIPECAHKAN BARU DAPAT SAGUNYA



Oleh: Ts. Yau'mee Hayati Hj Mohamed Yusof
Fakulti Pengurusan Dan Perniagaan
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Terengganu,
Malaysia

Ketika saya melangkah ke UiTM 15 tahun lepas pada 2 Januari 2007, saya tiada idea untuk menjadi pensyarah yang bagaimana. Satu-satunya rujukan saya adalah mantan para pensyarah yang terdahulu yang saya sentiasa hormati dan dekat di hati. Antaranya PM Wan Dorishah Wan Abdul Manan, PM Dr. Hamidah Jantan dan Dr. Norlela Samsudin. Saya sentiasa mengagumi individu yang sentiasa membuatkan saya rasa mudah faham dengan penerangan mereka. Kaedah yang kebanyakan yang mereka tunjukkan amatlah mudah dan sistematik dan membuatkan saya sentiasa teruja untuk kelas mereka dan merasa terlalu amat rugi jika saya tertinggal mana-mana kelas mereka. Bagi yang pernah belajar dalam bidang sains komputer tentulah faham akan kesukaran kebanyakan subjek yang diajar dalam bidang ini yang memerlukan kebanyakan pelajar sains komputer menggabungkan ilmu analitikal dan kelogikkan akal dalam proses pemahaman dalam bidang ini. Anugerah Akademik Universiti yang diperolehi pada tahun 2021 dan tercalon sebagai finalis UiTM untuk Akademik Anugerah Akademik Negara 2021 merupakan satu hadiah teristimewa pada ulangtahun ke 15 saya di UiTM. Artikel ini ditulis untuk memberi sedikit petua kepada rakan-rakan yang mungkin ingin mencalonkan diri di dalam apa apa anugerah di universiti. Penafian : Penulis ingin menyatakan perkongsian ini hanyalah sekadar berdasarkan pengalaman peribadi dan semoga ia memberi sedikit gambaran untuk rakan-rakan yang ingin mencuba mencalonkan diri.

Niat

Dari Amirul Mukminin Abu Hafsh, Umar bin Al-Khattab RA, ia berkata : "Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

"Segala amal itu bergantung pada niatnya, dan setiap orang hanya mendapatkan apa yang diniatnya. Maka barang siapa yang hijrahnya kepada Allah dan Rasul-Nya, maka hijrahnya itu kepada Allah dan Rasul-Nya. Barang siapa yang hijrahnya itu kerana kesenangan dunia atau kerana seorang wanita yang akan dikawininya, maka hijrahnya itu adalah kepada apa yang ditujunya." (Riwayat Bukhari dan Muslim)



Dalam apa apa pencalonan sekalipun, pasti ada persaingan. Dek kerana itu , betulkan niat kita ketika kita mencalonkan diri dalam apa apa pertandingan. Menjadi adat untuk kalah dan menang. Tidak menjadi satu kesalahan untuk kita menaruh harapan tapi jangan terlalu menaruh keyakinan untuk kita menang kerana rezeki itu milik Allah S.W.T. Pastikan niat kita betul dan benar supaya kalah atau menang, hati kita tetap redha.

Istiqamah

Ini dijelaskan oleh Allah SWT dalam Surah Hud ayat 112:

Maksudnya: "Oleh itu, hendaklah engkau (wahai Muhammad) sentiasa tetap teguh di atas jalan yang betul sebagaimana yang diperintahkan kepadamu, dan hendaklah orang-orang yang rujuk kembali kepada kebenaran mengikutmu berbuat demikian; dan janganlah kamu melampaui batas hukum-hukum Allah; Sesungguhnya Allah Maha Melihat akan apa yang kamu kerjakan."





Saya ada satu biji epal dan awak ada satu biji oren. Jika kita berkongsi, kita dapat merasa kedua-dua kemanisan buah-buahan terbabit. Itulah falsafah yang saya guna jika saya melakukan apa-apa perkongsian ilmu. Saya bermula melakukan perkongsian ilmu bermula pada tahun 2008 ketika menyandang jawatan sebagai pegawai dokumen Unit Pengurusan Kualiti. Pada awalnya perkongsian ilmu saya hanya terhad di kalangan staf akademik dan bukan akademik di dalam kampus UiTMCT sahaja. Tapi pada tahun 2020 saya berpeluang untuk melebarkan

saya perkongsian saya dengan komuniti masyarakat luar. Sentiasa bersedia untuk berkongsi kerana semakin banyak ilmu yang kita dapat semakin banyak yang perlu kita kongsi untuk kita sama-sama mendapat manfaatnya.

Pelaporan yang sistematik

Rasulullah S.A.W. mengungkapkan saranan menerusi hadis Baginda yang diriwayatkan oleh Saidatina Aisyah,

"Sesungguhnya Allah menyukai apabila salah seorang daripada kamu melakukan sesuatu pekerjaan, ia melakukannya dengan baik, sempurna dan teliti." (Riwayat al-Baihaqi)



Dalam apa-apa pertandingan, pelaporan yang sistematik dan memudahkan pencarian bukti amatlah dititikberatkan. Adalah amat penting untuk setiap calon mengetahui template penilaian pertandingan masing-masing untuk mencuba mendapat sebanyak mana point di dalam penilaian terbabit. Mudahkan panel penilaian untuk melihat senarai dan bukti dengan jelas melalui sistem penamaan yang ringkas tetapi mudah difahami.

Doa

Dari Ali r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda:

"Doa adalah senjata bagi orang-orang mukmin, tiang bagi agama, dan nur bagi langit dan bumi". (HR Hakim)

Jangan lokek berdoa samada untuk diri sendiri mahupun untuk orang lain. Pastikan setiap masa anda sentiasa berdoa supaya Allah S.W.T. meredhai setiap pekerjaan yang kita lakukan.

Sentiasa belajar

"Man jadda wajada, wa man zara'a hasada, wa man yajtahid yanjah" "sesiapa yang berusaha (Inshallah) akan mendapat apa yang diusahakannya" "sesiapa yang bercucuk tanam



(Inshallah) akan menuai hasilnya." "sesiapa yang berusaha (Inshallah) akan beroleh kejayaan."

Jika anugerah yang kita dambakan dalam setiap pekerjaan yang kita lakukan, pasti kita akan merasa kecewa di akhir setiap usaha kita. Sebaliknya sentiasa belajar dan sentiasa cuba bersangka baik untuk menerima kritikan supaya kita tidak berada pada zon yang terlalu selesa untuk tidak melakukan reformasi pada pekerjaan yang kita lakukan. Semoga kita semua berusaha menjadi pendidik yang terbaik untuk generasi akan datang. Ini adalah jihad ilmu

kita untuk kehidupan akhirat yang kekal abadi.

"Apabila mati seorang manusia maka terputuslah amalannya kecuali 3 perkara: Daripada sedekah jariahnya, ilmu yang dimanfaatkan dan anak yang soleh yang sentiasa mendoakan untuknya". (Riwayat Muslim)

Sentiasa Mencuba

Kadang kala, kita harus berani mencuba , kerana jika tidak dipecahkan ruyung ,manakan dapat sagunya.

John Barrow Quotes

If you never try, you'll never know what you are capable of

Usah di hiraukan kritikan yang terlalu negatif kerana adakalanya kegagalan mengajar kita erti kejayaan yang sebenar.

Akhir perkongsian ini, istilah LECTURER bagi saya adalah seperti berikut :-

L- Lead; E-Educate; C-Caring; T-Tolerant; U-Understanding;
R-Respect; E-Energetic; R-Reform

You might be
a **TEACHER** if...
you've ever
obsessively
counted children
to make sure
you haven't
WWW.FUNIN5THGRADE.COM
lost any.

Source: Twitter



BizNewz 2022
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com